

# Rakyat Palestin hargai sokongan Dr. Mahathir

UM 3 0 OCT 2002

KOTA BHARU 29 Okt. — Kesungguhan dan komitmen yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam menentang keganasan Israel amat dihargai dan disokong oleh seluruh rakyat Palestin.

Duta Palestin ke Malaysia, Ahmed Al-Farra berkata, sokongan antarabangsa amat diperlukan apatah lagi di saat-saat rakyat Palestin hidup dalam keadaan yang cukup tertekan dan terancam.

Beliau berkata, Presiden Yasser Arafat sendiri pernah menghubungi Dr. Mahathir untuk memaklumkan kedudukan diri dan negaranya mengenai ancaman-ancaman yang terpaksa dihadapi berikutan tindakan kejam Israel.

Sehubungan itu katanya, rakyat Palestin merakamkan rasa terharu kerana Malaysia memahami situasi negara itu yang berada dalam keadaan cukup getir.

“Walau pelbagai tekanan dilakukan oleh Israel, kami akan terus mempertahankan negara kami walau apa pun terjadi,” katanya ketika berucap di Perhimpunan Kemanusiaan Palestin dan Iraq anjuran Badan Perhubungan UMNO Kelantan di padang Komplek Sekolah-sekolah Wakaf Mek Zainab di sini, petang ini.

Lebih 1,000 orang menghadiri perhimpunan yang bertajuk *Selamatkan Baitul Muqadis, Palestin dan Rakyat Iraq* itu.

Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Mustapa Mohamed, Pengerusi Penganjur Majlis, Datuk Paduka Ibrahim Ali, bekas Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Mohamad Yaacob dan pemimpin-pemimpin UMNO.

Menurut Ahmed, terlalu banyak serangan yang dilakukan oleh Israel di bumi Palestin tetapi tidak sedikit pun mele-

mahkan semangat rakyatnya untuk memperjuangkan keamanan di negara itu.

“Kami tidak akan undur selagi perjuangan yang dilakukan tidak tercapai,” ujarnya.

Katanya, selagi Yasser Arafat masih hidup dan mendapat sokongan padu daripada negara-negara Islam yang lain, mereka tidak akan berundur walaupun pada generasi akan datang.

“Dengan izin Allah, kemungkinan pengorbanan kami untuk membebaskan negara Palestin daripada keganasan dan menjadi sebuah negara yang merdeka akan tercapai,” ujarnya.

Sementara itu, Mustapa berkata, perhimpunan itu bertujuan menyedarkan rakyat Kelantan tentang keganasan di kalangan umat Islam.

Katanya, umat Islam sentiasa ditindas, dibunuh dan dizalimi oleh bukan Islam.